

▼09/10/18-28MST

CNS3928

U PB 09-10 00191 BA013

BAH

CADANGAN LANTIK GHAFAR MENTERI KANAN TIDAK PATUT BERBANGKIT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, soal untuk melantik Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, sebagai Menteri Kanan tidak sepatutnya berbangkit buat masa ini.

"Kita tidak sampai ke peringkat itu lagi," kata Perdana Menteri ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Presiden UMNO itu diminta mengulas cadangan beberapa orang pemimpin UMNO, tokoh akademik dan pelbagai pihak baru-baru ini supaya Ghafar dilantik sebagai Menteri Kanan sekiranya beliau meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan menarik diri daripada bertanding mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Antara pemimpin UMNO yang membuat cadangan itu ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua UMNO Bahagian Batu, Datuk Azman Atar Othman, yang berpendapat bahawa perlantikan Ghafar sebagai Menteri Kanan akan membolehkannya terus berkhidmat kepada kerajaan dan parti.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak nampak mengapa cadangan seumpama itu perlu dibuat pada ketika ini. -- Bernama.

AH AZZ HK KAM.

▼09/10/17-56MST